



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KERANGKA KURIKULUM LATIHAN

PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN



KERANGKA KURIKULUM LATIHAN

PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Diterbitkan oleh:
Kementerian Pendidikan,
Blok E8, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604, Putrajaya, Malaysia.
www.moe.gov.my

Hak Cipta Terpelihara
© Bahagian Profesionalisme Guru
Kementerian Pendidikan

eISBN 978-983-9425-34-5



Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan apa-apa jua cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan.

Cetakan Pertama Tahun 2025

ISI KANDUNGAN

Seuntai Kata	i
Sebait Tinta	ii
Visi dan Misi	iii
Pengenalan	1
Tujuan	2
Matlamat dan Objektif	3
Kerangka Kurikulum Latihan	4
Struktur Kerangka Kurikulum Latihan	5
Komponen Latihan	6
Bidang Latihan	7
Kluster Latihan	8
Prinsip Kurikulum Latihan	9

Domain Pembelajaran Kemahiran Hidup	12
Domain Pembelajaran Kemahiran Belajar	16
Domain Pembelajaran Kemahiran Maklumat, Media dan Teknologi	22
Kaedah Penyampaian	24
Kaedah Pentaksiran	26
Kesimpulan	28
Soalan Lazim	30
Glosari	32
Singkatan	33
Penghargaan	34
Sekalung Budi	36
Rujukan	37

SEUNTAI KATA

“Garapan variasi komponen kurikulum latihan berupaya memperkasakan kompetensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan seiring dengan aspirasi pendidikan negara ke arah kelestarian kualiti latihan.”

DATUK DR. MOHD AZAM BIN AHMAD

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan



SEBAIT TINTA

“Kerangka Kurikulum Latihan menjadi paksi dalam mengupayakan latihan yang efisien ke arah pembentukan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berdaya saing dan kompeten bagi menyahut evolusi ekosistem pendidikan.”

ROHAYATI BINTI ABD HAMED

Pengarah
Bahagian Profesionalisme Guru
Kementerian Pendidikan



VISI

Pendidikan Berkualitas, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

MISI

Melestarikan Sistem Pendidikan yang Berkualitas untuk
Membangunkan Potensi Individu bagi
Memenuhi Aspirasi Negara.

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan (KPM) sentiasa komited dalam memastikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) melengkapkan diri dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian dengan pembangunan profesionalisme berterusan (PPB) yang terancang. PPB dilaksanakan sebagai usaha untuk memastikan PPP kekal berkualiti dalam sistem pendidikan negara bagi melahirkan modal insan yang holistik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum latihan merupakan tonggak pembangunan profesionalisme PPP ke arah pelaksanaan latihan yang bersifat relevan, dinamik dan berorientasikan ilmu serta kemahiran masa hadapan bagi melahirkan PPP yang kompeten seiring dengan cabaran abad ke-21.

TUJUAN

Kerangka Kurikulum Latihan (KKL) PPP KPM merupakan rujukan dan panduan yang komprehensif kepada pembekal latihan dalam dan luar KPM sebagai usaha untuk mencapai kualiti dan piawaian yang ditetapkan bagi merancang dan melaksanakan latihan yang sistematik.

KKL PPP KPM memperincikan aspek pembangunan kompetensi dari segi generik dan fungsional bagi memastikan PPP memperoleh kemahiran yang menyeluruh dan relevan.

Struktur KKL PPP KPM yang dinamik merangkumi kandungan, penyampaian dan pentaksiran mampu menyediakan latihan yang menyeluruh dan berkesan bagi melahirkan PPP yang kompeten.

MATLAMAT

Memperkasakan kompetensi PPP dalam menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan dan cemerlang ke arah mendepani cabaran ledakan ilmu serta kemahiran terkini seiring dengan dunia pendidikan yang dinamik.


OBJEKTIF

- Merancang latihan PPP yang mampan.
- Membangunkan latihan yang dapat membentuk PPP berdaya saing dan kompeten.
- Memastikan penyampaian latihan PPP berkualiti.
- Melestarikan kualiti latihan PPP.

KERANGKA KURIKULUM LATIHAN

PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN


KEMENTERIAN PENDIDIKAN



STRUKTUR KERANGKA KURIKULUM LATIHAN

PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



KOMPONEN LATIHAN



KANDUNGAN

Kandungan merujuk topik yang akan disampaikan kepada PPP sepanjang latihan. Kandungan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Kandungan latihan direka bentuk secara sistematik untuk mencapai objektif latihan yang ditetapkan dan relevan dengan keperluan PPP.



PENYAMPAIAN

Penyampaian merujuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan melalui pelbagai kaedah penyampaian bagi memastikan pembelajaran memenuhi keperluan pembelajaran dewasa (adult learning). Penyampaian ini membolehkan tenaga pengajar mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih relevan dan berkesan untuk meningkatkan kompetensi PPP.



PENTAKSIRAN

Pentaksiran melibatkan proses menceraap kemajuan dan pencapaian PPP secara formatif atau sumatif melalui pelbagai kaedah pentaksiran untuk mencapai objektif latihan.

BIDANG LATIHAN



GENERIK

- Latihan yang disediakan bagi melahirkan PPP yang lebih cekap dan berpengetahuan dalam melaksanakan tugas-tugas jawatan yang disandang.
- Bidang latihan meliputi aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi serta pembangunan jati diri PPP.



FUNGSIONAL

- Latihan yang disediakan kepada PPP bersesuaian dengan jawatan yang dipegang dan disandang dalam bahagian/jabatan.
- Bidang latihan merangkumi latihan yang berkaitan dengan fungsi dan keperluan bahagian/jabatan.

KLUSTER LATIHAN

KLUSTER LATIHAN

BIDANG FOKUS

PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN

1. Pengurusan dan Pengoperasian Institusi Pendidikan
2. Pengurusan Organisasi
3. Pengurusan Strategik
4. Dasar dan Polisi
5. Kepimpinan Pendidikan
6. Pengurusan Kualiti
7. Pengurusan Data
8. Pengurusan Latihan
9. Bimbingan dan Pementoran
10. Penyeliaan
11. Komunikasi
12. Integriti, Nilai dan Etika
13. Protokol dan Etiket Sosial

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

1. Kemahiran Instruksional
2. Bidang Mata Pelajaran
3. Pentaksiran
4. Teknologi Digital
5. Kejurulatihan
6. Penyelidikan
7. Penulisan dan Penerbitan
8. Inovasi
9. Pengurusan Sumber dan Teknologi Pendidikan

PENDIDIKAN BERFOKUS DAN INKLUSIF

1. Pengurusan dan Pendidikan Prasekolah
2. Pendidikan STEM
3. Pengurusan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional
4. Pengurusan dan Pendidikan Berkeperluan Khas

PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

1. Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling
2. Aplikasi Psikologi
3. Bidang Tumpuan Utama Kaunseling
4. Kesejahteraan Psikologi

PRINSIP KURIKULUM LATIHAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

RELEVAN

Kurikulum latihan seiring dengan tuntutan semasa berdasarkan matlamat dan keperluan organisasi.

DINAMIK

Kurikulum latihan seiring dengan keperluan pendidikan global.

KONTEKSTUAL


Kurikulum latihan berfokuskan situasi kehidupan sebenar.

FUTURISTIK

Kurikulum latihan memenuhi kehendak masa hadapan.

KOMPREHENSIF

Pengetahuan, kemahiran dan sikap diintegrasikan dalam latihan secara holistik.



DOMAIN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP

KEMAHIRAN HIDUP

Keupayaan menyesuaikan tingkah laku dan menjadi warganegara global yang bertanggungjawab.

KARAKTER

Personaliti individu yang melibatkan sikap, tingkah laku dan nilai peribadi.

Kesejahteraan peribadi

- Pengurusan diri: Mengurus masa, kewangan, bahan dan sumber manusia secara optimum.
- Pembelajaran sepanjang hayat: Mempamerkan keinginan dan keupayaan belajar daripada pelbagai sumber secara berterusan.
- Keharmonian kehidupan: Mempraktikkan gaya hidup sihat dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Ketahanan diri

- Pengurusan tekanan: Mengurus emosi dan mental.
- Kalis cabaran: Mengatasi halangan dan bangkit semula.
- Fleksibiliti: Menyesuaikan diri dengan perubahan.

Akauntabiliti

- Tanggungjawab: Menunjukkan komitmen dan membudayakan sifat amanah, jujur dan telus terhadap tindakan atau keputusan.
- Ketelusan: Mempamerkan kejujuran dan keterbukaan dalam tindakan.
- Kepatuhan: Melaksanakan tugas mengikut undang-undang, prosedur atau arahan yang sedang berkuat kuasa.

Etika dan profesionalisme

- Kenegaraan: Menghayati prinsip kenegaraan.
- Etika kerja: Mengamalkan etika kerja yang mengutamakan pencapaian dan integriti serta menolak salah guna kuasa dan penyelewengan.
- Nilai murni: Membudayakan nilai-nilai murni yang mencerminkan imej dan kredibiliti perkhidmatan awam.

KEMAHIRAN HIDUP

Keupayaan menyesuaikan tingkah laku dan menjadi warganegara global yang bertanggungjawab.

KEWARGANEGARAAN GLOBAL

Kesedaran, keprihatinan dan penerimaan masyarakat terhadap isu-isu global.

Pemikiran global

- Kesedaran sivik global: Menunjukkan kepekaan terhadap isu-isu tempatan dan global serta mempromosikan perubahan positif dalam komuniti.
- Keterhubungan: Menunjukkan kesedaran bahawa perilaku peribadi akan memberikan impak kepada komuniti global.
- Kepelbagaian perspektif: Menilai isu global dengan mengambil kira pelbagai perspektif budaya, ekonomi dan politik.

Pelibatan global

- Pelibatan komuniti: Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan untuk menyokong isu-isu global secara sukarela.
- Kepimpinan: Memimpin dan menyelaras projek komuniti global.
- Kerjasama antarabangsa: Menggalakkan kerjasama antara komuniti tempatan dengan antarabangsa untuk menyelesaikan masalah.

Keadilan sosial

- Kepelbagaian: Menghormati kepelbagaian sosial dalam masyarakat.
- Kesaksamaan: Menyokong inisiatif kesaksamaan hak-hak individu tanpa mengira jantina, kemampuan fizikal, etnik dan agama.
- Advokasi: Menyuarakan pendapat dan mengambil tindakan secara berhemah dalam isu global.

Kelestarian alam

- Kesedaran isu alam sekitar: Menunjukkan kesedaran tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
- Inisiatif hijau: Melaksanakan amalan hijau dalam kehidupan seharian.
- Inisiatif kelestarian: Mengamalkan usaha kelestarian alam sekitar.



DOMAIN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN BELAJAR

KEMAHIRAN BELAJAR

Keupayaan melibatkan diri secara aktif dalam pemikiran kritis dan kreatif serta berkomunikasi secara efektif dan berkolaboratif dalam mencapai matlamat.

PEMIKIRAN KRITIS

Analisis fakta untuk membentuk suatu penaakulan.

Analisis dan penilaian maklumat

- Analisis maklumat: Membanding dan membezakan maklumat untuk memahami konteks.
- Perkaitan konteks: Mengenal pasti corak atau hubungan untuk memahami konteks.
- Penilaian maklumat: Meneliti ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat berdasarkan bukti.

Penyelesaian masalah

- Pengenalpastian masalah: Mengenal pasti masalah secara jelas dan tepat.
- Strategi penyelesaian: Menjana pelbagai idea untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- Pelaksanaan tindakan: Melaksanakan penyelesaian dengan mengoptimumkan sumber yang sedia ada.

Penaakulan

- Sintesis maklumat: Menggabungkan maklumat untuk membentuk gambaran menyeluruh.
- Inferens: Membuat kesimpulan berasaskan bukti dan logik.
- Keputusan: Membuat keputusan berdasarkan maklumat yang relevan serta mempertimbangkan implikasi jangka panjang.

Refleksi dan penambahbaikan

- Maklum balas: Menggunakan maklum balas pelbagai pihak untuk meningkatkan kualiti keputusan.
- Refleksi: Mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran.
- Penambahbaikan: Membuat penambahbaikan berdasarkan hasil refleksi dan maklum balas.

KEMAHIRAN BELAJAR

Keupayaan melibatkan diri secara aktif dalam pemikiran kritis dan kreatif serta berkomunikasi secara efektif dan berkolaboratif dalam mencapai matlamat.

PEMIKIRAN KREATIF

Penghasilan idea baharu dan penyelesaian masalah secara inovatif.

Imaginasi dan pemikiran divergen

- Penerokaan idea: Meneroka pelbagai kemungkinan untuk penghasilan idea baharu atau inovasi.
- Penjanaan idea: Menjana idea daripada pelbagai perspektif.
- Perkaitan idea: Menghubung kait idea untuk menghasilkan idea baharu atau inovasi.

Pemikiran konvergen

- Analisis dan penilaian: Menganalisis idea secara logik, menilai kebolehlaksanaan, kekuatan dan kelemahan.
- Pemilihan dan keputusan: Memilih idea atau inovasi yang paling baik dan berpotensi.
- Penyempurnaan idea: Menyempurnakan idea baharu atau inovasi yang dihasilkan.

Keusahawanan

- Pemikiran keusahawanan: Mengenal pasti peluang dan cabaran untuk mencipta nilai ekonomi dan sosial.
- Kemahiran keusahawanan: Menilai potensi dan sumber yang ada untuk merealisasikan idea.
- Berorientasikan tindakan: Mengambil tindakan bijak untuk merebut peluang yang ada.

Pengurusan risiko

- Tindakan proaktif: Mengenal pasti cabaran dan halangan.
- Penilaian risiko: Menilai faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kejayaan.
- Pengurangan risiko: Membangunkan strategi untuk mengurangkan risiko dan menyediakan rancangan kontingensi.

KEMAHIRAN BELAJAR

Keupayaan melibatkan diri secara aktif dalam pemikiran kritis dan kreatif serta berkomunikasi secara efektif dan berkolaboratif dalam mencapai matlamat.

KOMUNIKASI

Penyampaian dan penerimaan maklumat, idea dan sikap secara jelas dalam pelbagai situasi.

Komunikasi interpersonal

- Pendengaran aktif: Mendengar dengan teliti dan empati.
- Komunikasi kontekstual: Menggunakan komunikasi verbal dan/atau nonverbal mengikut konteks.
- Penyelesaian konflik: Mengurus dan menyelesaikan konflik secara konstruktif.

Komunikasi profesional

- Kejelasan arahan: Menyampaikan dasar, prosedur dan konsep dengan jelas.
- Mekanisme maklum balas: Memberikan maklum balas konstruktif yang menyokong pertumbuhan profesional dan peningkatan organisasi.
- Teknik pelibatan: Menggunakan kaedah interaktif untuk membangunkan pelibatan profesional.

Komunikasi Multimedia

- Integrasi media digital: Mengintegrasikan alat dan pelantar digital dalam komunikasi.
- Etika komunikasi multimedia: Mengamalkan norma penggunaan media secara beretika dan bertanggungjawab.
- Komunikasi pelbagai media (Multimedia): Menggunakan gabungan pelbagai media dalam komunikasi.

Kepekaan budaya dan bahasa

- Kesedaran budaya: Mengenali dan menghormati kepelbagaian budaya.
- Bahasa inklusif: Menggunakan kesantunan bahasa dan bebas diskriminasi.
- Komunikasi pelbagai mod: Menyampaikan dan menerima maklumat melalui pelbagai kaedah komunikasi berdasarkan keperluan.

KEMAHIRAN BELAJAR

Keupayaan melibatkan diri secara aktif dalam pemikiran kritis dan kreatif serta berkomunikasi secara efektif dan berkolaboratif dalam mencapai matlamat.

KOLABORATIF

Kerjasama secara kolektif dan aktif untuk mencapai matlamat.

Dinamik dalam kumpulan

- Penyelarasan tugas: Mengkoordinasikan tugas untuk memastikan pencapaian objektif kumpulan.
- Sinergi pasukan: Menggabungkan kepakaran untuk meningkatkan pencapaian.
- Pengurusan konflik: Menyelesaikan perbezaan pendapat untuk memastikan kesepakatan kumpulan.

Kemahiran silang budaya

- Adaptasi: Menyesuaikan diri dalam pelbagai konteks budaya.
- Empati: Menghargai perspektif serta amalan budaya yang berbeza untuk meningkatkan kepercayaan antara ahli kumpulan.
- Integrasi budaya: Menggabungkan pelbagai perspektif budaya untuk menghasilkan penyelesaian yang kreatif dan efektif.

Kuasa autonomi

- Keputusan profesional: Mempertahankan keputusan berdasarkan justifikasi yang wajar.
- Pengurusan sumber: Menguruskan sumber dengan cekap tanpa pengawasan berterusan.
- Inisiatif: Mengambil inisiatif proaktif dalam mengenal pasti dan menyelesaikan masalah.

Jaringan dan jalinan

- Rangkaian: Meluaskan hubungan profesional dengan individu dan organisasi lain.
- Kepimpinan: Memimpin ahli kumpulan dan bertindak sebagai pemudah cara dengan pihak luar.
- Rakan strategik: Mengukuhkan hubungan jangka panjang dengan pihak berkepentingan.



DOMAIN PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MAKLUMAT, MEDIA DAN TEKNOLOGI

KEMAHIRAN MAKLUMAT, MEDIA DAN TEKNOLOGI

Keupayaan untuk memanfaatkan teknologi digital dan berkomunikasi secara efektif.

NUMERASI DATA

Analisis trend, pola dan korelasi data dalam pelbagai konteks secara berintegriti.

Pemerolehan data

- Pemilihan sampel: Memilih sampel bersesuaian dengan tujuan pemerolehan data.
- Penentuan instrumen: Menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen.
- Pengumpulan data: Mengumpul data mengikut kesesuaian kaedah.

Analisis dan interpretasi data

- Analisis data: Menganalisis data berdasarkan kesesuaian kaedah.
- Perwakilan data: Memastikan keberkesanan persembahan data.
- Interpretasi data: Memastikan ketepatan terjemahan data untuk membuat kesimpulan.

Keputusan berdasarkan data

- Keputusan: Membuat keputusan berdasarkan hasil analisis.
- Penyelesaian masalah: Menggunakan data sebagai asas penyelesaian masalah.
- Penilaian keberkesanan keputusan: Membuat semakan dan refleksi keputusan.

Komunikasi data

- Pembentangan data: Memperjelas data dan keputusan.
- Pemudahan maklumat: Mempermudah data yang kompleks.
- Penyebaran penemuan: Menyebarluaskan penemuan berdasarkan ciri-ciri keselamatan data.

KEMAHIRAN MAKLUMAT, MEDIA DAN TEKNOLOGI

Keupayaan untuk memanfaatkan teknologi digital dan berkomunikasi secara efektif.

DIGITAL

Memanfaatkan teknologi digital secara beretika dalam kehidupan.

Literasi digital

- Penguasaan teknologi: Mengaplikasikan sumber digital.
- Pencarian maklumat: Mengaplikasikan teknologi digital untuk mencari maklumat.
- Aplikasi maklumat: Mengintegrasikan teknologi digital untuk menilai dan menggunakan maklumat.

Kewarganegaraan digital

- Identiti warga digital: Membentuk individu yang berintegriti, seimbang dan berupaya mengawal diri dalam penggunaan teknologi secara beretika.
- Keselamatan siber: Mengamalkan langkah-langkah perlindungan data peribadi dan pengurusan jejak digital.
- Pengurusan risiko siber: Mengenal pasti, mencegah dan mengurus ancaman siber.

Komunikasi dan kolaboratif digital

- Interaksi digital: Menggunakan teknologi digital yang sesuai dengan konteks untuk berinteraksi.
- Kerjasama digital: Mengaplikasikan teknologi digital untuk berkolaborasi.
- Pembudayaan: Membudayakan penggunaan teknologi digital secara beretika dalam komunikasi dan kolaborasi.

Kreativiti digital

- Kandungan digital: Mereka bentuk dan menyampaikan kandungan secara digital.
- Inovasi: Mengintegrasikan teknologi digital dalam penyelesaian masalah.
- Produktiviti: Mengaplikasikan teknologi digital secara kreatif untuk meningkatkan produktiviti.



KAEDAH PENYAMPAIAN

1 Pengajaran Tradisional

- **Kuliah**
PPP mengikuti pembelajaran melalui komunikasi sehalu dengan interaksi terhad.
- **Demonstrasi**
PPP menerima maklumat melalui tunjuk cara.

2 Pembelajaran Kendiri dan Pementoran

- **Pembelajaran Kendiri**
PPP mengambil inisiatif untuk belajar tanpa pengawasan dengan menggunakan bahan yang diberi.
- **Pementoran Rakan Sebaya**
PPP membimbing rakan untuk memahami topik.

3 Perbincangan Kumpulan

- **Pembelajaran Kolaboratif**
PPP berinteraksi dan bertukar-tukar idea untuk membina pengetahuan secara kolektif.
- **Pembelajaran Koperatif**
PPP bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai matlamat pembelajaran bersama.

4 Pembelajaran Berasaskan Pengalaman

- **Simulasi**
PPP didedahkan dengan senario yang mencerminkan keadaan sebenar.
- **Amali**
PPP berinteraksi secara langsung dengan alat, bahan atau proses yang berkaitan dengan topik.
- **Kajian Lapangan**
PPP terlibat dalam pengumpulan data secara langsung di lokasi yang relevan dengan topik pembelajaran.
- **Kajian Kes**
PPP meneroka dan menganalisis kes untuk memahami isu, fenomena, atau konsep yang dikaji.

5 Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

- **Inkuiri Penemuan**

PPP melibatkan diri dalam pembelajaran untuk membina pengetahuan baharu melalui penerokaan.

- **Pembelajaran Berasaskan Masalah**

PPP mengenal pasti dan menganalisis masalah untuk merumuskan cadangan penyelesaian bagi membuat keputusan.

- **Pembelajaran Berasaskan Projek**

PPP bekerja secara individu atau dalam kumpulan untuk merancang, melaksanakan dan membentangkan projek yang dihasilkan.

6 Pembelajaran Berasaskan Teknologi

- **Teknologi dan Media**

PPP menggunakan pelbagai alat teknologi dan platform media interaktif dalam pembelajaran.

- **Gamifikasi**

PPP mengaplikasikan elemen permainan dalam pembelajaran.

- **Kecerdasan Buatan**

PPP menggunakan teknologi kecerdasan buatan untuk memperkaya pengalaman pembelajaran.

7 Pembelajaran Interaktif

- **Pameran**

PPP mempamerkan maklumat menggunakan pelbagai media.

- **Perbahasan**

PPP mengemukakan dan mempertahankan hujah serta memberi maklum balas terhadap pandangan orang lain.

- **Forum**

PPP menyampaikan pandangan, bersoal jawab dan berkongsi idea tentang sesuatu isu.

- **Permainan**

PPP melaksanakan aktiviti pembelajaran berasaskan permainan.



KAEDAH PENTAKSIRAN

1 KUIZ

Set soalan pendek untuk mengukur pemahaman sesuatu topik.

2 UJIAN

Instrumen untuk mengukur hasil pembelajaran dalam aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap.

3 KAJIAN KES

Analisis terhadap sesuatu isu atau masalah secara individu atau berkumpulan.

4 JURNAL REFLEKTIF

Catatan penilaian sendiri terhadap prestasi dan cadangan penambahbaikan.

5 LAPORAN

Dokumen bertulis mengenai sesuatu proses atau hasil yang dilalui.

6 PEMBENTANGAN

Penyampaian secara lisan hasil kerja atau projek.

7 KERJA AMALI

Penilaian yang mengukur kebolehan psikomotor.

8 PROJEK

Penghasilan sesuatu produk atau penyelesaian masalah berdasarkan aplikasi pengetahuan, konsep dan kemahiran.

9 SIMULASI

Penilaian keupayaan mengimitasi situasi atau proses kehidupan sebenar dalam suasana terkawal atau maya.

10 PORTFOLIO

Pengumpulan bahan bukti yang menunjukkan kemajuan, pencapaian dan penguasaan pengetahuan atau kemahiran.

11 DEMONSTRASI

Tunjuk cara melaksanakan sesuatu tugas atau mengaplikasikan sesuatu kemahiran mengikut langkah.

12 PENTAKSIRAN RAKAN SEBAYA

Penilaian rakan sebaya terhadap penguasaan pengetahuan atau kemahiran.

13 PEMERHATIAN

Pemerhatian sepanjang pelaksanaan aktiviti atau tugas.

14 KAJIAN LAPANGAN

Pentaksiran berdasarkan pengalaman di lapangan.

KESIMPULAN

Kerangka Kurikulum Latihan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan merupakan wadah untuk memastikan kualiti penyampaian latihan lebih efisien dalam meningkatkan tahap profesionalisme PPP. KKL ini dapat menjadi pemangkin pembentukan PPP yang kompeten demi memenuhi hasrat KPM.

KPM berhasrat agar pembekal latihan dapat menjadikan KKL sebagai asas dan panduan dalam merancang dan melaksanakan latihan yang berkualiti selari dengan piawaian yang ditetapkan. Komitmen dan keprihatinan pembekal latihan menggunakan KKL dapat menyumbang ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efektif.

SOALAN LAZIM

1. **Apakah itu Kerangka Kurikulum Latihan?**

Kerangka Kurikulum Latihan ialah satu struktur atau panduan komprehensif yang memperincikan aspek pembangunan kompetensi dari segi generik dan fungsional bagi memastikan PPP memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang menyeluruh dan relevan.

2. **Mengapakah Kerangka Kurikulum Latihan diperkenalkan?**

Kerangka Kurikulum Latihan menyediakan struktur yang jelas untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan latihan yang sistematik, relevan dan berkesan.

3. **Siapakah yang perlu merujuk Kerangka Kurikulum Latihan?**

Semua bahagian/jabatan KPM dan pembekal latihan.

4. **Apakah komponen utama dalam Kerangka Kurikulum Latihan?**

Kerangka Kurikulum Latihan merangkumi kandungan, penyampaian dan pentaksiran.

5. **Apakah jenis kurikulum yang diguna pakai dalam Kerangka Kurikulum Latihan PPP KPM?**

Kurikulum berasaskan kompetensi.

6. **Apakah maksud reka bentuk Kerangka Kurikulum Latihan PPP KPM?**

Reka bentuk Kerangka Kurikulum Latihan menggunakan dua bentuk geometri untuk menggambarkan konsep berbeza. Lingkaran penuh melambangkan struktur kurikulum yang lengkap dan berfungsi sebagai satu kitaran tersusun, manakala separa bulatan menunjukkan pembelajaran berterusan, penambahbaikan progresif dan pembangunan kompetensi sepanjang hayat. Visual ini menekankan hubungan antara asas kurikulum yang kukuh dengan perkembangan kompetensi individu secara berterusan.

SOALAN LAZIM

7. **Apakah yang dimaksudkan dengan kurikulum berasaskan kompetensi?**
Kurikulum berasaskan kompetensi merujuk latihan yang memfokuskan penguasaan kemahiran dan pengetahuan serta sikap.
8. **Apakah kompetensi yang perlu dikuasai oleh PPP?**
PPP perlu menguasai kompetensi generik dan fungsional.
9. **Adakah kompetensi generik dan fungsional sama bagi semua PPP?**
Tidak. Kompetensi ini boleh berbeza mengikut konteks dan keperluan bidang tugas PPP.
10. **Apakah persediaan yang diperlukan oleh pembekal latihan untuk melaksanakan latihan?**
Pembekal latihan perlu menetapkan bidang latihan, domain pembelajaran dan elemen pembelajaran yang mencakupi kandungan, penyampaian dan pentaksiran.
11. **Adakah pembekal latihan perlu mengintegrasikan semua elemen pembelajaran dalam merancang latihan?**
Tidak. Pembekal latihan perlu memilih sekurang-kurangnya satu elemen pembelajaran atau menggunakan pendekatan yang menggabungkan pelbagai disiplin ilmu untuk memenuhi keperluan latihan.

GLOSARI

Kelestarian alam	amalan menjaga dan memulihara alam sekitar melalui inisiatif hijau dan tindakan kelestarian yang bertujuan melindungi sumber alam untuk generasi akan datang
Kewarganegaraan digital	amalan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab dan beretika
Kolaboratif digital	kerjasama dalam talian menggunakan alat digital seperti platform berasaskan awan (cloud) untuk berkongsi dokumen, idea, dan pengurusan projek dalam masa nyata
Kompetensi	pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan oleh PPP untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab
Komunikasi digital	penggunaan platform digital seperti e-mel, telesidang dan media sosial untuk berkomunikasi dengan berkesan
Kreativiti digital	keupayaan menghasilkan kandungan dan menyelesaikan masalah secara inovatif dengan menggunakan pelbagai teknologi digital
Latihan	proses pemindahan ilmu pengetahuan secara sistematik yang bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Proses ini dicapai melalui program latihan berbentuk kursus atau bengkel
Mengimitasi	proses peniruan
Pembelajaran dewasa	pembangunan kompetensi yang berasaskan pengalaman, keperluan tugas dan motivasi sendiri individu dewasa bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta sikap yang menyokong peningkatan prestasi kerja dan pembangunan kerjaya
Penaakulan	proses berfikir secara teratur dan rasional untuk membuat keputusan berdasarkan fakta dan bukti yang sahih
Pentaksiran formatif	proses mentaksir PPP secara berterusan sepanjang tempoh latihan dengan tujuan memantau dan meningkatkan pembelajaran
Pentaksiran sumatif	proses menilai pencapaian keseluruhan PPP setelah selesai sesuatu latihan
Teknologi digital	alat dan sistem yang menggunakan data digital termasuk kecerdasan buatan untuk memproses, menyimpan, dan menyampaikan maklumat

SINGKATAN

PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
KKL	Kerangka Kurikulum Latihan
KPM	Kementerian Pendidikan
PPB	Pembangunan Profesionalisme Berterusan

PENGHARGAAN

PENASIHAT

Puan Rohayati binti Abd Hamed
Pengarah
Bahagian Profesionalisme Guru, KPM

Encik Yusuf bin Mohamed
Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Profesionalisme Guru, KPM

Tuan Haji Azhar bin A Kadir
Timbalan Pengarah
Sektor Standard Keguruan
Bahagian Profesionalisme Guru, KPM

Dr. Nor Foniza binti Maidin
Mantan Timbalan Pengarah
Sektor Standard Keguruan
Bahagian Profesionalisme Guru, KPM

KANDUNGAN

Puan Aziela binti Shaarani
Dr. Lavina Nair a/p Madawan Nair
Sektor Standard Keguruan
Bahagian Profesionalisme Guru, KPM

Dr. Ng Pei Fern
Dr. Syed Syahrul Zarizi bin Syed Abdullah
Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim

Dr. Ruslan bin Abdullah
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu

Dr. Lina Lee Gay Wah binti Abdullah
Dr. Suah See Ling
Dr. Anpalakan a/l Vadiappan
Puan Izwanum binti Abdul Wahid
Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang

Dr. Chin Chee Keong
Puan Chew Ping Ping
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun

Dr. Wan Zaliha binti Wan Othman
Institut Aminuddin Baki

Puan Affikah Fazlyna binti Omar
English Language Teaching Centre

Profesor Madya Dr. Adibah binti Abdul Latif
Profesor Madya Dr. Corrienna binti Abdul Talib
Universiti Teknologi Malaysia

Dr. Nurliyana binti Bukhari
Dr. Muhammad Noor bin Abdul Aziz
Universiti Utara Malaysia

Puan Zaini binti Md Jamal
Pejabat Pendidikan Daerah Muar

Dr. Fu Sai Hoe
Pejabat Pendidikan Daerah Sandakan

Puan Chow Lai Kim
Kolej Matrikulasi Gopeng, Perak

Encik Kanggatheren a/l Manogaran
SMJK Krian, Parit Buntar, Perak

Dr. Goh Kok Ming
SJKC Hua Lian 1, Taiping, Perak

Puan Chong Hoo Fong
SJKC Poi Lam, Perak

Puan Noor Suriana binti Sakrani
SK Sauk, Perak

PENGHARGAAN

BAHASA

Puan Saadiah binti Ali
Pejabat Pendidikan Daerah Larut Matang dan Selama

Puan Hasanah binti Shahidan
SMK Taman Panglima, Taiping, Perak

Puan Rodzlina binti Abu Bakar
SMK Pengkalan Aur, Changkat Jering, Perak

Puan Haslinda binti Mohd Nordin
SMK RLKT Lasah, Sungai Siput (U), Perak

Profesor Madya Dr. Nor Hasimah binti Ismail
Profesor Madya Dr. Mohammad Syawal bin Narawi
Universiti Utara Malaysia

GRAFIK

Puan Fadhilah binti Othman
Puan Siti Noraini binti Mohd Zali
Universiti Teknologi Malaysia

Puan Ang Angeline
SJKC Ban Foo, Johor

EDITOR

Puan Nurul Aina binti Borhan
Puan Rohayu binti Ismail @ Hassan
Dewan Bahasa dan Pustaka

Dr. Noraisikin binti Ghazali
Institut Pendidikan Guru Kampus
Temenggong Ibrahim

Sekalung Budi

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Bahagian Pembangunan Kurikulum

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Bahagian Pendidikan Khas

Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Bahagian Pendidikan Swasta

Institut Pendidikan Guru Malaysia

Institut Aminuddin Baki

Bahagian Pendidikan Islam

Lembaga Peperiksaan

Jemaah Nazir

Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional

Bahagian Matrikulasi

Bahagian PERMATA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian Psikologi dan Kaunseling

English Language Teaching Centre

Dewan Bahasa dan Pustaka

semua Jabatan Pendidikan Negeri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan
Kerangka Kurikulum Latihan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Kementerian Pendidikan

RUJUKAN

Biggs, J. (2014). Constructive alignment in university teaching. *HERDSA Review of Higher Education*, 1. https://www.tru.ca/_shared/assets/Constructive_Alignment36087.pdf

Council of Europe (2024). *SDG 4: Ensure inclusive and equitable quality education and promote lifelong learning opportunities for all*. <https://rm.coe.int/4-7-education-for-sustainable-development-and-global-citizenship/16808e816e>.

DQ Institute. (2019). *DQ Global Standards Report 2019: Common Framework for Digital Literacy, Skills and Readiness*. <https://www.dqinstitute.org/wp-content/uploads/2019/03/DQGlobalStandardsReport2019.pdf>.

European Commission. (2022). *DigComp 2.2: The digital competence framework for citizens*. <https://op.europa.eu/en/publication-detail/-/publication/50c53c01-abe8-11ec-83e1-01aa75ed71a1/language-en>.

Lamb, S., Maire, Q., & Doecke, E. (2017). *Key skills for the 21st Century: An evidence-based review*. Centre for International Research on Education Systems.

MQA (Malaysian Qualifications Agency). (2017). *Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2.0*. https://www.mqa.gov.my/pv4/document/mqf/MQF2.0_2017.pdf

MQA (Malaysian Qualifications Agency). (2024). *Malaysian Qualifications Framework (MQF) 2.0 (Updated Edition)*. Malaysian Qualifications Agency.

OECD (Organisation for Economic Co-operation and Development). (2018). *The future of education and skills: Education 2030*. <https://www.oecd.org/education/2030/>

OECD (Organisation for Economic Co-operation and Development). (2021). *National or regional curriculum frameworks and visualisations annex*. OECD Publishing.

Richey, R. C. & Klein, J. D. (2007). *Design and development research*. Routledge.

Ribble, M. (2015). *Digital citizenship in schools (3rd ed.)*. International Society for Technology in Education.

Said, N. A. (2020). Pentaksiran alternatif: Pentaksiran prestasi, autentik, portfolio dan kaedah pelaksanaan pentaksiran prestasi. *Sains Humanika*, 12(2-2), 51-55. <https://doi.org/10.11113/sh.v12n2-2.1785>

Taguma, M. and A. Frid. (2024). *Curriculum frameworks and visualisations beyond national frameworks: Alignment with the OECD learning compass 2030*. (OECD Education Working Papers, No. 314). <https://doi.org/10.1787/2a4bdce6-en>.

World Economic Forum. (2025). *The future of jobs report 2025*. https://reports.weforum.org/docs/WEF_Future_of_Jobs_Report_2025.pdf



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

eISBN 978-983-9425-34-5



9 789839 425345